

04/06/2003

Malaysia akan tubuh Sekretariat Ulama Sedunia

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PUTRAJAYA: Malaysia akan menubuhkan Sekretariat Ulama Sedunia yang dijangka menjadi pusat pemikir Islam sejagat mengadakan pertemuan bagi menjalankan penyelidikan serta mengatur strategi menyelesaikan masalah yang kini melanda umat Islam.

Idea yang dicetuskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu

membabitkan semua ulama antarabangsa dan tempatan yang berganding bahu menghasilkan cadangan yang dapat membantu umat Islam sejagat.

Penasihat Agama Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman, berkata

penubuhannya sudah dipersetujui semua negara Islam dan akan menjadi kenyataan pada Persidangan Ulama Islam Dunia 9 hingga 12 Julai ini.

"Sekretariat ini bukan satu badan politik atau mewakili mana-mana kerajaan tetapi lebih kepada peringkat kumpulan ahli pemikir Islam," katanya pada satu sidang media mengenai persidangan antarabangsa itu di pejabatnya di sini semalam.

Abdul Hamid berkata, pada peringkat awal sekretariat itu akan menumpukan

kepada peringkat kesedaran umat Islam terhadap kepentingan pembangunan dan

membetulkan salah faham mengenai ajaran Islam.

Beliau berkata, ia juga akan bertindak sebagai mengurus segala sumber yang ada untuk meningkatkan kefahaman Islam.

"Perdana Menteri mahu ia dijadikan satu pusat untuk mencari jalan bagaimana membina semula kekuatan umat Islam seluruh dunia.

"Selepas pencerobohan di Iraq, umat Islam harus sedar bahawa kita banyak

melakukan kerja tanpa mengikut lunas agama sebenar sehingga menyebabkan kita lemah," katanya.

Abdul Hamid menegaskan bahawa a, Malaysia diterima sebagai negara Islam contoh atas kejayaan negara melaksanakan tuntutan utama agama, iaitu membasmi kemiskinan, menyediakan pendidikan dan mengekalkan keamanan negara.

Ditanya sama ada Dr Mahathir akan mempengerusikan sekretariat berkenaan,

beliau berkata: "Kita belum mencadangkan perkara itu tetapi banyak negara

Islam yang mahu beliau memegang jawatan berkenaan, terutama selepas persaraannya pada Oktober ini."

Mengenai persidangan antarabangsa yang julung kali diadakan di sini, Abdul Hamid berkata, 40 negara Islam dengan 70 peserta luar dan 600 peserta tempatan akan menyertainya.

Bertemakan Islam dan Era Globalisasi, beberapa ulama antarabangsa terkenal akan membentangkan kertas kerja, termasuk ucapnaya dari ulama Al-Azhar, Dr Mohammad Sayyid Tantawi.

Dr Mahathir akan merasmikan persidangan berkenaan dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menutupnya.

Antara topik utama yang akan dibincangkan termasuk kesan umat Islam

selepas serangan di Iraq, masalah salah faham mengenai ajaran agama dan fungsi umat Islam mewujudkan negara Islam moden.